

28/08/1997

Badan khas atasi jerebu dibentuk

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Sebuah Jawatankuasa Bersama Menangani Masalah Jerebu Malaysia-Indonesia dibentuk bagi memastikan punca utama jerebu diatasi sebelum Sukan Komanwel diadakan tahun depan.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengarahkan Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan lebih kerap bermesyuarat bagi memastikan masalah jerebu tidak menyelubungi Kuala Lumpur ketika kejohanan itu pada September 1998.

"Buat kali pertama sejak timbul masalah jerebu pada 1991, Indonesia bersetuju untuk bekerjasama dengan kita untuk menangani masalah ini, malah negara itu turut mengaku isu pembakaran terbuka di negara itu kini semakin serius.

"Berikutan itu, dalam pertemuan antara Pengerusi Jawatankuasa Bencana alam Kebangsaan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Negara Lindungan Hidup Indonesia, Sarwono Kusumaatmatja, di Jakarta, minggu lalu, bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama Malaysia-Indonesia bagi menangani masalah jerebu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mesyuarat peringkat kementerian di pejabatnya, hari ini.

Law berkata, beliau dan Sarwono dilantik menjadi pengerusi bersama dan mereka akan mengadakan mesyuarat secepat mungkin.

"Bagaimanapun, untuk mengetahui masalah jerebu lebih mendalam Indonesia menghantar Timbalan Menteri Perlindungan Hidup, Dr Surna Tjajadinigrat, ke Kuala Lumpur, Jumaat ini," katanya. Dr Surna akan diberi taklimat oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Tan Meng Leng.

Law berkata, bagi membuktikan kesungguhan untuk menangani masalah berkenaan, Indonesia juga buat kali pertama akan mengambil tindakan terhadap seorang pengusaha perladangan yang didapati mengamalkan aktiviti pembakaran terbuka.

"Kita berharap kerjasama antara kedua-dua negara ini dapat menyelesaikan beberapa punca yang menyebabkan jerebu," katanya.

Menjawab soalan Law berkata, masalah jerebu turut mendapat perhatian serius Perdana Menteri, yang mengarah Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan, bermesyuarat setiap minggu sehingga masalah jerebu reda.

"Kemudian jawatankuasa ini akan bertemu sekurang-kurangnya sebulan sekali sehingga April tahun depan bagi memastikan kita mempunyai pelan tindakan lengkap bagi memastikan Sukan Komanwel 1998 berjalan lancar," katanya.

Law berkata antara langkah jangka panjang yang akan diambil bagi mengatasi masalah jerebu ialah:

- * Memperkenalkan dan menguatkuasakan undang-undang mengawal pelepasan daripada kenderaan petrol dan kawalan pelepasan daripada kenderaan diesel sejak 1996.

- * Mengurangkan kandungan plumbum dalam petrol dan mengalakkan kegunaan petrol tanpa plumbum.

- * Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan kawalan pelepasan pencemaran udara daripada industri dan tindakan/larangan keras terhadap aktiviti memburukkan lagi jerebu, khususnya pembakaran terbuka tanpa lesen.

- * Mengenakan hukuman berat termasuk perintah larangan ke atas mereka yang melanggar undang-undang alam sekitar dan melakukan kesalahan berulang

* Menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api gantian, khususnya kepada kenderaan pengangkutan awam.

* Mewujudkan rangkaian sistem automatik pengawasan kualiti udara kebangsaan bagi tujuan melaporkan status kualiti udara; dan

* Bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam menggalakkan pertumbuhan industri di luar kawasan bandar dan menggalakkan pemindahan kilang ke tapak industri di luar kawasan Lembah Klang dan kawasan bandar.

(END)